KENYATAAN PELAWAAN CADANGAN (RFP)

UDA Holdings Berhad (UDA), salah satu peneraju pembangunan hartanah di Malaysia, menjemput pemaju yang berminat dan berkelayakan dengan rekod prestasi yang terbukti, kepakaran yang relevan dalam pembangunan hartanah serta keupayaan kewangan yang kukuh untuk menyertai pelaksanaan Pelawaan Cadangan (RFP) bagi peluang pembangunan dan pengkomersialan tanah terpilih melalui kaedah Usaha Sama (Joint Venture), Penjualan Terus (Outright Sale) dan/atau Pajakan (Leasing).

Pelaksanaan RFP ini merupakan sebahagian daripada strategi UDA untuk mengoptimumkan nilai aset tanah strategiknya melalui kerjasama dengan pemaju yang berpengalaman bagi merealisasikan pembangunan yang inovatif, berdaya maju dari segi komersial serta mampan.

TANAH	LOKASI	CADANGAN	LAWATAN TAPAK
Lot 1407 & 1408, Seberang Balok	Kuantan, Pahang 3°56'45.0"N 103°22'57.2"E	Usaha Sama/Penjualan Terus	3 November 2026
Pelindung Height, Bandar Teluk Cempedak	Kuantan, Pahang 3°49'03.3"N 103°22'06.7"E	Usaha Sama	3 November 2026
Lot 9666N, sebahagian Lot 9665N, & sebahagian Lot 9664N (Angsana Ipoh Mall)	Ipoh, Perak 4°36'05.7"N 101°05'43.5"E	Usaha Sama	10 November 2026
Plot 8 & sebahagian Plot 9, Bandar UDA Utama	Johor Bahru, Johor 1°29'26.12" N 103°40'32.48" E	Pajakan	12 November 2026

KESEDIAAN DOKUMEN RFP	PENDAFTARAN RFP	PERTANYAAN	PENGHANTARAN DOKUMEN & TARIKH TUTUP
PENGELUARAN: Melalui e-mel selepas pembayaran disahkan **HARGA:** RM500.00 bagi setiap Dokumen RFP (Bayaran tidak akan dikembalikan) **WAKTU URUSAN:** Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum)	Imbas kod QR untuk mendaftar dan mendapatkan Dokumen RFP	**SEBARANG PERTANYAAN & MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:** **NAMA:** RFP SECRETARIAT **EMEL:** bdd@udanet.com	**PETI TENDER** **UDA HOLDINGS BERHAD** Tingkat 9, Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur **TARIKH TUTUP:** **PENJUALAN TERUS/ PAJAKAN** 30 November 2026 **USAHA SAMA** 29 Januari 2027

PENTING

1. Pembida boleh mengemukakan cadangan bagi satu (1) atau lebih daripada RFP yang ditawarkan.
2. Pembida dinasihatkan untuk membaca, memahami dan mematuhi segala arahan serta syarat yang dinyatakan dalam Dokumen RFP yang berkenaan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan/atau keperluan yang ditetapkan akan menyebabkan penyertaan ditolak atau dibatalkan.
3. Pembida digalakkan membuat lawatan tapak sebelum mengemukakan cadangan. Sebarang cadangan yang dikemukakan adalah dianggap telah mengambil kira keadaan sedia ada tapak.
4. Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dikembalikan di dalam sampul sebagaimana dinyatakan dalam Dokumen RFP dan hendaklah diterima oleh UDA selewat-lewatnya pada jam 4.00 petang mengikut tarikh tutup bagi RFP yang dipohon seperti yang dinyatakan dalam iklan ini dan Dokumen RFP.
5. UDA dan/atau anak syarikatnya berhak menerima atau menolak mana-mana atau semua cadangan serta berunding dengan mana-mana Pembida sekiranya difikirkan sesuai. Pelawaan RFP ini tidak mengikat UDA untuk menerima mana-mana cadangan. Hanya Pembida yang berjaya akan dimaklumkan.
6. Pendaftaran melalui kod QR adalah diperlukan untuk mendapatkan Dokumen RFP serta menerima sebarang komunikasi rasmi berkaitan RFP, termasuk penjelasan, pindaan dan adendum yang dikeluarkan oleh UDA.

KENYATAAN RFP INI BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS BERHAD : https://www.uda.com.my/contact-us/request-for-tender